

Soalan 1 (28 markah)

Syarikat Suara Konari telah menjalankan perusahaannya membuat cenderamata kepada bahan-bahan rasmi untuk semua di seluruh Malaysia. Perusahaannya adalah Datuk Fathul Naim bercadang untuk membentuk satu sistem pembayaran gaji bagi pekerjaannya. Syarikat ini telah mempunyai seramai 120 orang pekerja yang terdiri daripada pelbagai kepakaran dan pelbagai bahagian operasi. Memandangkan syarikat ini tidak mempunyai pengalaman dalam membentuk sistem pembayaran gaji berkenaan, anda diminta untuk membentukkan satu sistem berkenaan yang akan digunakan untuk membayar gaji, mematuhi tuntutan kerajaan seperti cukai pendapatan dan caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan syarikat-syarikat lain seperti Tabung Haji, simpanan Amanah Saham, simpanan daripada institusi kewangan yang lain, dan maklumat lain yang berkaitan.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

ACW 131 - Teknologi Maklumat dan Perakaunan

Masa : 3 jam

Datuk Fathul Naim juga merancang untuk membentuk sistem yang membolehkan pembayaran gaji dibuat melalui bank. Ini adalah kerana, syarikat ini telah lama membuat pembayaran gaji secara langsung kepada pekerja. Langkah ini memakan banyak masa dan terdapat ramai staf dipertuakan untuk menyediakan penyata gaji dan seterusnya membentukkan cek untuk pekerja-pekerja tertentu. Langkah ini juga dibarengi dengan mempercepatkan proses pembayaran gaji seseorang pekerja. Di samping itu diharapkan melalui sistem ini pihak pengurusan dapat mengemaskini setiap rekod pekerja sebelum mereka berpindah ke jabatan lain.

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

(a) Nyatakan rajah konteks yang menunjukkan sistem pembayaran gaji untuk Syarikat Suara Konari. Buktikan dengan rajah berkenaan.
 Jawab **LIMA** soalan. [8 markah]

(b) Buktikan rajah data aliran tahap 0 bagi sistem pembayaran gaji untuk Syarikat Suara Konari. Nyatakan aktiviti yang berlaku di dalam aliran maklumat tertentu.
 [10 markah]

(c) Jelaskan ancaman dan kesan ancaman yang mungkin dihadapi oleh Syarikat Suara Konari dalam membangunkan sistem pembayaran gaji berkenaan. Nyatakan di aktiviti yang mana setiap rajah data aliran tahap 0 ancaman tersebut dihadapi.
 [10 markah]

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Sistem Automatik 2000/2001

Fakulti Kejuruteraan

ACW 131 - Teknologi Maklumat dan Perakaunan

Masa: 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi ENAM muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA soalan.

Soalan 1 (28 markah)

Syarikat Suara Kenari telah menjalankan perusahaan membuat cenderamata daripada bahan seramik untuk pasaran di seluruh Malaysia. Pengurus Besar syarikat, Datuk Fathul Naiem bercadang untuk membentuk satu sistem pembayaran gaji bagi pekerjaanya. Syarikat ini telah mengambil seramai 120 orang pekerja yang terdiri daripada pelbagai kepakaran dan kemahiran serta ditempatkan dipelbagai bahagian operasi. Memandangkan syarikat ini tidak mempunyai pengalaman dalam membentuk sistem pembayaran gaji berkenaan, Datuk Fathul Naiem telah meminta anda untuk merekabentuk satu sistem berkenaan bagi memudahkan tugas pengurusan untuk membayar gaji, memenuhi tuntutan kerajaan seperti cukai pendapatan dan caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), caruman insurans dan syarikat-syarikat lain seperti Tabung Haji, simpanan Amanah Saham, pinjaman daripada institusi kewangan yang lain, dan maklumat daripada pelbagai jabatan.

Datuk Fathul Naiem juga meminta anda membentuk sistem yang membolehkan pembayaran gaji dibuat melalui bank. Ini adalah kerana, syarikat ini telah lama membuat pembayaran gaji secara langsung kepada pekerja. Langkah ini memakan banyak masa dan terlalu ramai staf diperlukan untuk menyediakan penyata gaji dan seterusnya mengeluarkan cek untuk pekerja-pekerja tertentu. Langkah ini juga diharap dapat mempercepatkan proses pembayaran gaji seseorang pekerja. Di samping itu diharapkan melalui sistem ini pihak pengurusan dapat mengemaskini setiap rekod pekerja sebelum mereka bersara ataupun meletakkan jawatan.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan rajah konteks yang menunjukkan sistem pembayaran gaji untuk Syarikat Suara Kenari. Jelaskan rasional rajah berkenaan. [8 markah]
- (b) Bentukkan rajah data aliran tahap 0 bagi sistem pembayaran gaji untuk Syarikat Suara Kenari. Nyatakan aktiviti yang berlaku di dalam aliran maklumat tertentu. [10 markah]
- (c) Jelaskan ancaman dan kesan ancaman yang mungkin dihadapi oleh Syarikat Suara Kenari dalam pembentukkan sistem pembayaran gaji berkenaan. Nyatakan di aktiviti yang mana satukah (rajah data aliran tahap 0) ancaman tersebut dihadapi. [10 markah]

Soalan 2 (25 markah)

- (a) Sediakan carta aliran untuk setiap operasi di bawah ini:
- (i) Memproses transaksi yang disimpan dalam pita magnetik bagi mengemaskini fail induk yang disimpan dalam pita magnetik.
 - (ii) Memproses transaksi yang disimpan dalam pita magnetik bagi mengemaskini fail induk yang disimpan dalam disk.
 - (iii) Menukarkan dokumen sumber "off-line" ke pita magnetik menggunakan "optical character reader" (OCR).
 - (iv) Invois disusun secara manual dan difailkan.
 - (v) Membaca data daripada fail disk ke dalam komputer untuk disenaraikan dalam laporan yang bercetak.

[15 markah]

- (b) Huraikan kebaikan dan kelemahan teknik-teknik dokumentasi yang menggunakan carta aliran dan rajah data aliran. Jelaskan bilakah teknik-teknik dokumentasi ini sesuai digunakan.

[10 markah]

Soalan 3 (23 markah)

- (a) (i) Sistem kitaran maklumat pengurusan sumber manusia (PSM)/ pembayaran gaji mengandungi dua subsistem yang berasingan tetapi ia berkaitan antara satu sama lain. Sistem PSM merekod dan memproses data mengenai aktiviti pengambilan, latihan, memperuntukan kerja, menilai dan membayar pampasan kepada pekerja. Sistem pembayaran gaji pula merekod dan memproses data digunakan untuk membayar perkhidmatan yang diberikan kepada syarikat.

Berdasarkan kepada keterangan ini bincangkan pembentukan sistem kitaran maklumat PSM dan pembayaran gaji dengan ditunjukkan melalui rajah konteks.

[8 markah]

- (ii) Andaikan sistem pembayaran gaji dapat mengatasi masalah dari segi penyelenggaraan rekod dan maklumat pekerja, tetapi ia masih terdedah kepada ancaman yang menyebabkan sistem berkenaan disalahguna. Jelaskan lima ancaman dan cara untuk mengatasi ancaman tersebut.


[10 markah]

- (b) Datuk Fathul Naiem berminat untuk mengetahui mengenai e-dagang (e-commerce). Beliau minta pandangan anda tentang e-dagang dalam perniagaan seumpama ini. Nasihatkan Datuk Fathul Naiem.

[5 markah]

Soalan 4 (16 markah)

(a) Rajah data aliran tahap 0 berikut adalah mengenai kitaran perbelanjaan;



Dikehendaki:

Bincangkan keputusan utama bagi aktiviti pesan barangan dan nyatakan dokumen dan prosedur serta peluang untuk menggunakan teknologi maklumat di aktiviti ini.

[8 markah]

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kitaran lebar am dan pelaporan. Senarai dan jelaskan aktiviti yang terlibat dalam kitaran lebar am dan pelaporan (rajah data aliran tahap 0).

[8 markah]

Soalan 5 (8 markah)

Soalan berikut adalah berkaitan dengan perisian UBS yang digunakan dalam kursus ini.

- (a) Nyatakan prosedur untuk menyediakan carta akaun (Chart of Accounts).

[2 markah]

- (b) Jelaskan fungsi "**Organise Batches**" dalam perisian ini.

[2 markah]

- (c) Jelaskan fungsi "**Debtor**" dan "**Creditor**" dalam perisian dan bagaimanakah prosedur menyediakannya?

[2 markah]

- (d) Jelaskan dengan ringkas maksud dalam "dialog box" di bawah.

[2 markah]

Account Number	<input type="text"/>	Last Year Figure	<input type="text" value="0.00"/>
Description	<input type="text"/>		
Special Account	<input type="text"/>	<input type="checkbox"/>	
Department	<input type="text"/>		
County Code	<input type="text"/>	<input type="checkbox"/>	
Account Type	<input type="text" value="A"/>	<input type="checkbox"/>	

Balance Sheet Accounts	Income/Expenses Accounts
<input checked="" type="checkbox"/> A. CAPITAL/RETAINED EARNINGS	<input type="checkbox"/> H. SALES
<input type="checkbox"/> B. LONG TERM LIABILITIES	<input type="checkbox"/> I. SALES ADJUSTMENTS
<input type="checkbox"/> C. OTHER LIABILITIES	<input type="checkbox"/> J. COST OF GOODS SOLD
<input type="checkbox"/> D. FIXED ASSETS	<input type="checkbox"/> K. OTHER INCOMES
<input type="checkbox"/> E. OTHER ASSETS	<input type="checkbox"/> L. DIVIDENDS
<input type="checkbox"/> F. CURRENT ASSETS	<input type="checkbox"/> M. TAXATION
<input type="checkbox"/> G. CURRENT LIABILITIES	<input type="checkbox"/> N. EXTRA-ORDINARY INCOME
	<input type="checkbox"/> O. APPROPRIATION ACCOUNT

Top Prev Next Return Save Budget

- 0000000 -

